

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : GOTONG ROYONG

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 1/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
1	Gotong Royong	<p>Gotong royong adalah satu konsep kerja beramai-ramai secara bermuafakat untuk menyempurnakan sesuatu kerja tanpa mengharapkan keuntungan kewangan. Kerja-kerja secara bergotong royong bertujuan mewujudkan semangat kerjasama di kalangan anggota masyarakat di samping mengeratkan hubungan antara Kerajaan dan rakyat.</p> <p>i) Pastikan kriteria melaksanakan projek kecil secara gotong-royong dipatuhi seperti berikut:</p> <p>a) Had maksimum sebanyak RM100 ribu dan disediakan secara pemberian terus kepada pihak yang menerajui projek gotong royong;</p> <p>b) Projek kecil tidak memerlukan kepakaran khusus seperti mekanikal / elektrik, contohnya perkhidmatan pembersihan. Namun sekiranya perlu, kerja-kerja seperti elektrik dan mekanikal tersebut hendaklah dilaksanakan oleh syarikat yang berdaftar dalam bidang berkenaan;</p> <p>c) Boleh dilaksanakan oleh pihak peneraju projek terdiri daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) /Jawatankuasa Kemajuan Mukim/ Badan/ Pertubuhan/ Persatuan/ Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan di awasi Pegawai Penyelia;</p>	PK 2.1 Para 13(i)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : GOTONG ROYONG

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 2/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
		<p>d) Mesti bebas dari semua halangan seperti pemilikan tapak projek dan sebagainya;</p> <p>e) Melibatkan tenaga penduduk tempatan dan bercorak kemasyarakatan; dan</p> <p>f) Tempoh pelaksanaan tidak melebihi 14 hari kerja berturut-turut atau 14 hari dalam tempoh maksimum 3 bulan. Sebarang pelanjutan tempoh perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal/Pegawai Pemegang Waran/Pemegang Waran Kecil terlebih dahulu.</p> <p>ii) Pastikan syarat dan peraturan pelaksanaan projek kecil secara gotong royong seperti berikut dipatuhi:</p> <p>a) mendapat perakuan / kelulusan Pegawai Pengawal ke atas projek gotong-royong yang dilaksanakan;</p> <p>b) Pegawai Penyelia yang bertanggungjawab ke atas urusan kewangan, penyeliaan dan pengesahan projek siap hendaklah dilantik oleh Pegawai Pemegang Waran / Pemegang Waran Kecil;</p>	PK 2.1 Para 13(ii)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : GOTONG ROYONG

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 3/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
		<p>c) Pihak Peneraju Projek perlu memastikan keselamatan bahan-bahan dan peralatan projek dalam tempoh pelaksanaan projek; dan</p> <p>d) Pegawai Penyelia boleh mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Teknik jika perlu seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran.</p> <p>iii) Pastikan perakuan Pegawai Pengawal/ Jabatan diperolehi ke atas jumlah kos projek dan pihak yang menerajui projek.</p> <p>iv) Pihak Peneraju Projek hendaklah membuka/ mempunyai satu akaun di bank tempatan.</p> <p>v) Pihak Peneraju Projek boleh menerima sumbangan kewangan daripada pihak swasta / dermawan / orang perseorangan dengan syarat resit dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam akaun gotong royong.</p> <p>vi) Pihak Peneraju Projek perlu menyediakan dan menyimpan satu penyata kewangan berasingan bagi setiap projek dan boleh diperiksa oleh mana-mana pihak pada bila-bila masa.</p>	<p>PK 2.1 Para 13(iii)</p> <p>PK 2.1 Para 13(iii)</p> <p>PK 2.1 Para 13(iii)</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : GOTONG ROYONG

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 4/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
		<p>vii) Pastikan elaun saguhati dan makan minum peserta dihadkan sehingga 20% daripada Peruntukan Kerajaan. Jumlah bayaran saguhati kepada peserta hendaklah mengikut kemahiran dan tahap penglibatan peserta yang ditetapkan oleh Pihak Peneraju Projek.</p> <p>viii) Pemegang Waran / Pemegang Waran Kecil hendaklah mengemukakan Laporan Pelaksanaan Projek secara berkala bagi setiap separuh tahun pertama dan kedua kepada Pegawai Pengawal. Laporan juga hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi setiap separuh tahun pertama dan kedua (sebelum 31 Julai dan 31 Januari tahun berikutnya).</p> <p><u>TATACARA PEROLEHAN DAN PEMBAYARAN</u></p> <p>Pembayaran sejumlah wang kepada Pihak Peneraju Projek adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Mendapat kelulusan /perakuan daripada Pegawai Pengawal bagi melaksanakan projek gotong royong;b) Peruntukan dalam Tahun Kewangan berkenaan dan semasa adalah mencukupi;	<p>PK 2.1 Para 13(iv)</p> <p>PK 2.1 Para 13(v)</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : GOTONG ROYONG

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 5/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
		<p>c) Pembayaran dibuat menggunakan modul Invois Tanpa PT. Nombor rujukan surat kelulusan tersebut dicatat di ruangan catatan senarai semak di baucar bayaran;</p> <p>d) Semak nama, nombor akaun dan alamat bank pihak yang menerajui projek. Pastikan akaun merupakan akaun bank tempatan;</p> <p>e) Sila nyatakan nama projek di perihal bayaran pada BB; dan</p> <p>f) Penggunaan kod objek OS42000 daripada peruntukan pemberian Kerajaan.</p>	PS 1.1

